

# Amalan Interaksi dalam Kelas Pembelajaran Bahasa Arab Lisan di UKM

**BITARA**Volume 2, Issue 1, 2019: 123-137  
© The Author(s) 2019  
e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>

## [Interaction Practice in Oral Arabic Learning Classes in UKM]

Nor Asyikin Hasan Adali, Suhaila Zailani Ahmad & Kaseh Abu Bakar<sup>1</sup>

### Abstrak

Interaksi dalam kelas merangkumi corak komunikasi yang merangkumi lisan dan bukan lisan serta jenis-jenis hubungan sosial yang berlaku di dalam kelas. Komunikasi dalam kelas bukan sahaja sangat kompleks malah merupakan pusat bagi keseluruhan aktiviti kelas. Dalam konteks kelas pembelajaran bahasa asing, komunikasi lisan memainkan peranan yang sangat besar kerana medium dan matlamat pembelajaran, kedua-duanya menjadi input utama kepada para pelajar. Data dikumpulkan melalui dua siri rakaman video kelas pengajaran bahasa Arab Lisan. Kajian ini menggunakan pendekatan analisis perbualan (conversational analysis) dari perspektif emik untuk mengkategorikan jenis interaksi kelas yang dapat menggalakkan proses pembelajaran bahasa asing serta ingin menganalisis kaedah guru membetulkan kesalahan pelajar. Dapatan kajian menunjukkan guru menggunakan maklum balas dan teknik membetulkan kesalahan pelajar yang dapat menggalakkan interaksi lisan antara guru-pelajar dan pelajar-pelajar.

### Kata kunci:

Amalan Interaksi Lisan, pemerolehan bahasa asing, bahasa Arab Lisan, analisis perbualan

### Abstract

Classroom interactions involve verbal and non-verbal communication patterns and forms of social experiences that occur in classrooms. Communication in the classroom is not only very complex, but it is also fundamental to the entire learning operation. In the context of a foreign language learning classroom, verbal communication plays a major role, as both the medium and the learning goals are essential inputs for learners. Data were obtained through two series of video recordings of spoken Arabic language classes. This study used a conversational analysis approach from an Emik perspective to categorize the types of classroom interactions that encourage the learning of foreign languages, as well as to analyze how teachers correct students' errors. The results indicated that teachers use suggestions and strategies to correct student errors that can facilitate oral interaction between teachers and students.

### Keywords:

Oral Interaction Practices, Foreign Language Acquisition, Oral Arabic, Conversational Analysis

### Cite This Article:

Nor Asyikin Hasan Adali, Suhaila Zailani Ahmad & Kaseh Abu Bakar. 2019. Amalan Interaksi dalam Kelas Pembelajaran Bahasa Arab Lisan di UKM. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 2(1): 123-137.

## Pengenalan

Sebagai pengajar atau pelajar, komunikasi dalam kelas diakui sangat kompleks dan menjadi pusat keseluruhan aktiviti kelas. Komunikasi menjadi pusat untuk pengajaran, pembelajaran, menguruskan sekumpulan manusia dan proses pembelajaran, serta mengelola pelbagai tugas dan aktiviti yang menjadi amalan kelas. Komunikasi merujuk kepada kaedah penggunaan bahasa yang dapat menggalakkan interaksi. Berasaskan ini, menjadi satu keperluan untuk melihat interaksi dalam kelas sebagai medan kayu ukur bagi membuat penambahbaikan dalam pengajaran dan pembelajaran.

Interaksi dalam bilik darjah telah menjadi fokus pemerhatian para penyelidik dalam bidang pemerolehan bahasa kedua dan bahasa asing lebih daripada 50 tahun. Pelbagai metodologi dirangka sepanjang tempoh ini secara kualitatif mahupun kuantitatif bagi menjawab pelbagai persoalan dan hipotesis berkisar interaksi dalam kelas ini. Richards & Schmidt (2010) dalam *Dictionary of Language Teaching & Applied Linguistics* mendefinisikan analisis interaksi sebagai “any of several procedures for measuring and describing the behaviour of students and teachers in classrooms” iaitu beberapa kaedah yang digunakan untuk mengukur dan menggambarkan kelakuan pelajar dan guru dalam bilik darjah.

Berdasarkan Chadia (2011) secara keseluruhan, tujuan dijalankan analisis interaksi adalah untuk menerangkan perkara yang berlaku semasa di dalam kelas, menilai proses pengajaran, mengkaji hubungan antara pengajaran dan pembelajaran, serta membantu para pelatih guru mendapatkan gambaran yang jelas terhadap proses pengajaran yang berlaku di dalam kelas. Dalam kajian analisis interaksi, pemerhatian dijalankan terhadap setiap tingkah laku yang berlaku di dalam kelas dan menganalisis semua jenis aktiviti bermakna yang dilakukan oleh para pelajar dan guru.

Menurut Besty, dengan melihat secara teliti interaksi yang berlaku di dalam kelas, maka persefahaman bersama antara guru dan pelajar dapat dibina. Mendapatkan persefahaman bersama adalah sesuatu yang mencabar, tetapi mempunyai impak yang besar terhadap sesuatu kelas dalam mencapai objektif pembelajaran. Oleh itu, seorang pendidik Brazil (1998) menggesa supaya para guru untuk bercakap ‘dengan’ pelajar mereka berbanding hanya bercakap ‘kepada’ pelajar mereka. Bercakap ‘dengan’ pelajar bermakna cenderung untuk mempunyai lebih banyak perbualan bersama pelajar berbanding syarahan. Namun begitu, untuk menggunakan kaedah pembelajaran jenis sebegini, para guru perlu mengetahui titik hubungan antaranya dengan para pelajarnya.

## Konsep Maklum Balas Guru

Apabila guru bertanyakan soalan, para pelajar sepatutnya berinteraksi dan menjawab soalan berkenaan. Sebarang jawapan yang diberikan pelajar hendaklah diberikan tindak balas oleh guru yang dikenali sebagai maklum balas (Chadia 2011). Richards dan Platt (1992) pula mendefinisikan maklum balas sebagai sebarang komen atau maklumat yang diterima oleh pelajar daripada guru setelah berjaya dalam satu-satu tugas pembelajaran. Seliger (1983) dalam Reigel (2005) mengkhususkan maklum balas sebagai sesuatu tindak balas bahasa

terhadap pertuturan pelajar yang seterusnya dapat digunakan pelajar sebagai pengesahkan atau pembedaan sesuatu konsep yang diketahui dalam bahasa sasaran. Guru hendaklah menangani maklum balas dengan bijaksana kerana maklum balas juga merupakan salah satu aspek terpenting pengajaran yang dapat memberi makna kepada pelajar.

Sarjana membahagikan maklum balas kepada dua bahagian utama iaitu maklum balas positif dan maklum maklum balas negatif/pembedaan (Chadia 2011). Maklum balas positif ialah maklum balas yang memberi signal kepada pelajar bahawa jawapan atau input yang diberikannya adalah betul dan memuaskan. Manakala maklum negatif atau dikenali juga sebagai maklum balas pembedaan (Lyster & Ranta 1997, Lightbown & Spada 2006) merujuk kepada respon guru terhadap pelajar yang memberikan jawapan salah atau tidak memuaskan. Maklum balas guru boleh berbentuk lisan atau bukan lisan (Jefridin 2011).

## **Maklum Balas Positif**

Maklum balas positif boleh dilihat dengan pelbagai cara. Contohnya, Vigil dan Oller (1976) telah mencadangkan maklum balas positif hendaklah mempunyai frasa-frasa pujian dan penghargaan seperti “Ok”, “bagus” dan sebagainya. Nicols dalam Abbasi et. al (2015) menyatakan *‘Positive feedback is seen as pleasing, complimentary, and consistent with the learner’s self-image’* iaitu maklum balas positif dilihat sebagai sesuatu yang menyenangkan pelajar dan dapat meningkatkan keyakinan pelajar. Reigel (2005), meluaskan definisi maklum balas positif kepada komponen paralinguistik(mengangguk kepala), linguistik(pengesahan) dan metalinguistik(pujian). Bukan itu sahaja, Cullen (1998) turut mencadangkan bahawa mengulangi respon pelajar yang betul dapat dikategorikan sebagai maklum balas positif.

## **Maklum Balas Negatif atau Maklum Balas Pembedaan**

Melalui kajian komprehensif yang dijalankan Lyster dan Ranta (1997), enam strategi maklum balas pembedaan telah dikenalpasti iaitu pembedaan yang jelas, pengubahsuaian, meminta penjelasan, maklum balas metalinguistik, ransangan, dan pengulangan. Mohammadi (2009) dan Ratnah (2013) menjelaskan lebih lanjut berkaitan maklum balas ini:

- a. Pembedaan secara jelas, ialah guru memberikan jawapan yang betul dan secara jelas menyatakan jawapan yang telah diberikan pelajar adalah salah.
- b. Pengubahsuaian, merupakan kaedah guru membetulkan kesalahan pelajar dengan cara mengubahsuaikan kesemua atau sebahagian daripada ucapan pelajar tersebut.
- c. Meminta penjelasan, merujuk pertanyaan/pernyataan guru kepada pelajar untuk meminta penjelasan atas ucapan pelajar yang disalah fahami atau tidak jelas.
- d. Pencungkilan, merujuk tiga kaedah yang dilakukan para guru bagi mencungkil jawapan yang betul daripada pelajar. Pertama, guru secara sengaja tidak menghabiskan ucapan agar pelajar dapat menyambung. Kedua, guru akan bertanyakan soalan untuk mendapatkan jawapan. Ketiga, guru akan meminta pelajar memperbaiki ucapan mereka.

- e. Penjelasan metalinguistik, merupakan maklum balas dalam bentuk komen, maklumat, atau persoalan yang berkaitan dengan jawapan pelajar tanpa secara jelas menyediakan jawapan yang betul.
- f. Pengulangan, merujuk kepada pengulangan guru terhadap jawapan pelajar yang salah dengan intonasi berbeza agar pelajar menyedari kesalahannya.

Justeru, kedua-dua jenis maklum balas positif dan negatif dapat disimpulkan seperti berikut:

Maklum balas positif	Contoh ungkapan	Maklum balas pembedaan	Contoh ungkapan
Pujian	<i>Fine, excellent, good</i>	Pembedaan secara jelas	<i>S: She go to school T: Not she go to school. You should say "She goes to school"</i>
Pengesahan	<i>"Ok", "yes", "that's right".</i>	Pengubahsuaian	<i>S: I eat a lot yesterday T: Oh, you ate a lot yesterday</i>
Isyarat bukan lisan	Menganggukkan kepala, senyum	Meminta penjelasan	<i>S: we went to the birth party T: do you mean birthday party?</i>
Pengulangan	<i>S: The colour of the house changed T: The colour of the house changed</i>	Pencungkilan	<i>How do say that in English?</i>
		Pengulangan (intonasi meningkat)	<i>S: We went to the birth party T: You went to the birth party?</i>
		Metalinguistik	<i>S: She go to school every day. T: The sentence is present tense, so the verb should be "goes".</i>

Ratnah (2013)

## Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif bagi mendapatkan, mengumpulkan, menganalisis serta menghuraikan data. Data untuk kajian ini diambil daripada kelas pengajaran bahasa Arab Lisan kepada pelajar sarjana muda tahun akhir di Universiti Kebangsaan Malaysia yang direkodkan bermula pada bulan Februari 2018 hingga Mac 2018. Dua siri rakaman kelas berdurasi sejam setengah sehingga dua jam digunakan sebagai data utama bagi kertas kajian ini. Pensyarah yang mengajar subjek ini merupakan bukan penutur asli namun mempunyai pengalaman yang luas dalam pengajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua atau asing.

Seramai 12 orang pelajar tahun akhir daripada Pusat Rantau Timur Tengah dan Nusantara telah mendaftar kursus ini. Pelajar-pelajar yang mengambil kursus ini tidak asing dengan bahasa Arab kerana bahasa Arab merupakan subjek wajib bagi fakulti dan pusat.

Sepanjang hampir tiga bulan proses pengutipan data, dua buah video kamera digunakan bagi merakam keseluruhan aktiviti kelas dan sebuah alat perakam yang memfokuskan rakaman percakapan pensyarah. Pengkaji mentranskripsi data kelas menggunakan konvensional transkripsi yang dikembangkan oleh Schegloff (2000) dan Jefferson (2004). Kemudian, pengkaji menggunakan analisis perbualan (*conversational analysis*) sebagai instrumen kajian untuk menganalisis data.

## Analisis Perbualan (*Conversation Analysis*)

Macaro (2010), menyatakan Analisis Perbualan (*Conversation Analysis*), setelah ini ditulis sebagai CA, sebagai satu kaedah yang digunakan untuk melihat secara dekat peristiwa-peristiwa pemerolehan bahasa kedua. CA sering digunakan dalam kajian-kajian yang memerlukan perspektif analisis mikro bagi menganalisis interaksi yang berlaku. Hal ini kerana, kemampuan CA yang dapat meneroka ucapan dan corak peralihan ucapan tersebut dengan sangat terperinci serta dapat mengesan aktiviti penting bukan verbal yang berlaku. CA berasal daripada prospek ilmu sosiologi sekitar tahun 1960 an yang dipelopori Emanuel Schegloff, Harvey Sacks dan Gail Jefferson (Sidnell & Stivers 2013). Setelah 40 tahun, CA memecah tembok disiplin ilmu sosiologi dengan menerobos pelbagai disiplin ilmu lain seperti linguistik, antropologi, psikologi, dan komunikasi. (Wong & Waring 2010)

Skop kajian pengkaji CA ialah menganalisis pelbagai contoh pertuturan sebenar. Contohnya, bermula daripada perbualan santai bersama sahabat, kenalan, rakan sekerja ataupun orang yang tidak dikenali sehingga kepada perbualan yang berstruktur lebih formal seperti perbualan di dalam kelas, prosiding mahkamah, temuduga, dan sebagainya. Maka, disimpulkan objek kajian utama bagi CA ialah percakapan dalam interaksi (Wong & Waring 2010).

## Dapatan dan Perbincangan

Hasil daripada transkripsi data, pengkaji mendapati bahawa guru menggunakan kedua-dua aspek maklum balas iaitu maklum balas positif dan maklum balas negatif (pembetulan). Dari segi maklum balas positif, guru telah menggunakan keempat-empat jenis maklum balas: (1) pujian, (2) pengesahan, (3) menggunakan isyarat non-verbal, dan (4) pengulangan. Manakala, bagi maklum balas negatif, guru telah menggunakan enam jenis maklum balas iaitu: (1) pembetulan secara jelas, (2) pengubahsuaian, (3) meminta penjelasan (4) pencungkilan, (5) pengulangan (intonasi meningkat) (6) metalinguistik.

## Maklum Balas Positif

### 1. Pujian

Dalam petikan di bawah, guru menggunakan frasa seperti “جيد”, “حسنت”, dan “جميل” sebagai pujian kepada tindak balas atau jawapan yang dikehendaki daripada pelajar. Berdasarkan Reigel (2005) & Rumfola (2017), pujian ialah suatu galakan yang dapat memberikan kesan positif kepada perlakuan pelajar seterusnya dapat memberikan kesan langsung kepada proses pembelajaran.

(Petikan 1)

Erm : P1 :: (0.5) الجديد بالذكر هنا (.) ((ketawa))

: G1 ] نعم: جيد: ((mengangguk kepala))

الجديد بالذكر هنا، أحسنت.

(Petikan 2)

: G1 تفضلي

: P6 اريد اتحدث عن الثورة العربية في الأردن.

: G1 Okay. في الأردن.

نتحدث عن الثورة العربية في الأردن. جميل.

(Petikan 3)

: P2 من النبات (.) نبات (0.5) وهي a::

(1.0)

a:: simbol apa?

: G1 الرمز

: P2 ها (.) وهي الرمز الرجاء والأمل.

: G1 A:: رمز الرجاء والأمل. جميل.

### 2. Pengesahan

Seterusnya, maklum balas positif yang dikenal pasti berlaku dalam interaksi guru-pelajar ini ialah pengesahan. Pengesahan boleh berlaku dalam dua keadaan. Pertama, pengesahan dibuat

untuk menunjukkan bahawa guru memahami jawapan atau mesej yang disampaikan oleh pelajar (Ratnah 2013). Kedua, pengesahan digunakan untuk mengesahkan sesuatu yang dikatakan oleh pelajar itu adalah betul (Reigel 2005). Contoh berikut menunjukkan kaedah guru mengesahkan jawapan yang diberikan oleh pelajar.

(Petikan 4)

G1: ايوه:: حل المشكلة ، menyelesaikan masalah ، حل البرلمان؟

Bubar parlimen : SP

G1: ايوه:: جيد:: جميل. اوك، المطلب الثا: لث؟

(Petikan 5)

P2 = <ها: الفساد (.). و:-وركود الاقتصادي>

G1 : <ها: ركود الاقتصادي >. ما معنى ركود؟ (1.0) ركود؟

°kemelesatan° : P6

G1 : <الإقتصاد راكد>. ما معنى ؟

kemelesatan : P6

G1 : اوك.

(Petikan 6)

P1 : هناك أسباب مختلفة. نعم.. هناك أسباب مختلفة. أولاً، لأن الحكومة كانت طاغية

G1 : اوك، طيب. طغيا حكومة. بسبب طغيا الحكومة. طيب.

(Petikan 7)

G1 : لا يؤثر يعني الحياة استمد كما هي. لأنهم كل شيء الإحتياجات ضروريات والإحتياجات كلها تأتي من

داخل بلاد (0.5) موجودة.

P1 : مثل تركي.

G1 : مثل تركيا، مثل تركيا، صحيح. ومهم أن تأتي احتيجات والضروريات من-من الداخل ليس من الخارج.

(1.0)

اوك، طيب.

(Petikan 8)

P1 : من دول [ العربية ] ((ketawa)).

G1 : [ العربية ] اوک.

(2.5) نعم.

P1 : أولاً (0.7) erm :: في تونسية.

Berdasarkan keempat-empat petikan di atas, guru menggunakan beberapa frasa sebagai pengesahan kepada jawapan yang dikemukakan pelajar. Antaranya ialah “ايوه”, “نعم”, “اوک”, dan “صحيح”. Frasa-frasa ini digunakan apabila pelajar memberikan jawapan yang betul atau seperti yang dikehendaki oleh guru.

### 3. Pengulangan

(Petikan 9)

Dalam petikan ini, guru meminta pelajar menyatakan faktor-faktor teretusnya revolusi di Tunisia.

G1 : الثورة العربية بسبب (.) الحكم غير عادل (0.5) الحكم غير عادل وماذا أيضا؟

(1.0)

P2 : وانتشر [ الفساد

: G1 [ وانتشر الفساد

(1.0)

P : وركود الإقتصاد

: G1 وركود الاقتصاد

(1.0)

P : وسوء الأحوال المعيشية

G1 : وسوء الأحوال المعيشية. اوک، جميل اوک.

(1.0)

Berdasarkan petikan di atas, guru mengulang jawapan pelajar kerana ingin meyakinkan pelajar bahawa jawapan yang diberikan adalah betul. Ratna (2013) menyifatkan penggunaan



pengulangan yang banyak oleh guru sebagai suatu kaedah maklum balas yang positif. Cullen (1998), mendapati kaedah pengulangan merupakan kaedah yang paling banyak digunakan oleh para guru di dalam kelas. Ini kerana, pengulangan bukan sahaja memberi kesan kepada pelajar yang memberikan respon tetapi turut memberi faedah kepada keseluruhan para pelajar yang berada di dalam kelas.

## Maklum Balas Negatif (Pembetulan)

Selain menggunakan maklum balas positif, guru turut mempraktikkan maklum balas negatif (pembetulan) ketika berhadapan dengan kesalahan pelajar khususnya sebagai langkah menggalakkan proses pembelajaran. Terdapat enam jenis maklum balas negatif yang dikenalpasti dipraktikkan oleh guru iaitu: (1) pembetulan secara jelas, (2) pengubahsuaian (*recast*), (3) meminta penjelasan (4) pencungkilan, (5) pengulangan (intonasi meningkat) (6) metalinguistik.

Pembetulan secara jelas

(Petikan 10)

G1: أحمد محمد نظيف.

There have must there,

عندهم رئيس الدولة ورئيس الوزراء كذلك اوك، طيب. >ما المعنى ↑ استقالة (1.5) استقالة (0.5) ليس استقالة.

استقالة lain <. استقالة-استقالة

dia mengisytiharkan diri dia استقالة : P1

G1: لا. استقالة:::ل من كلمة استقل. استقل بمعنى (0.7)

Pembebasan : P1

(Petikan 11)

G1: aaa::: غشوجي. تم إسقاط النظام

P1: إسقاط النظام::: [ tukar kerajaan ]

P2: [ تغيير°

G1: لا.

Jatuh, topple-topple.

Petikan 10 di atas menunjukkan guru membetulkan kesalahan pelajar secara jelas dengan mengatakan jawapan yang diberikan pelajar tersebut adalah salah tetapi tidak membekalkan jawapan yang betul kepada para pelajar. Walaupun contoh ini hanya menepati satu syarat kategori yang digariskan oleh Lyster (1998), namun ia masih boleh diterima menurut Ratna (2013). Contoh pada petikan 11 pula menepati kedua-dua syarat kaedah pembetulan secara jelas. Hal ini kerana, guru secara jelas menyatakan jawapan yang diberikan pelajar adalah salah dengan menggunakan frasa “لا” dan memberikan jawapan yang betul.

### 1. Pengubahsuaian

Mengubahsuaikan atau mengolah semula jawapan pelajar menjadi jawapan yang betul tanpa secara jelas menyatakan kesalahan yang dilakukan pelajar merupakan salah satu kaedah maklum balas yang kerap dipraktikkan guru semasa proses pengajaran berlangsung. Contoh pengubahsuaian yang dilakukan guru terhadap jawapan pelajar boleh dilihat pada petikan berikut:

(Petikan 12)

*G1 : يَخْدُتْ =*

*P1 : = يَخْدُتْ فِي (0.7) كَلِّ :: بِلَادٍ مِنْ (0.7) بِلَادٍ - كَلِّ بِلَادٍ (.) كَلِّ بِلَادٍ =*

*G1 : <= كَلِّ دَوْلَة [ مِنْ الدَّوْل > ]*

*P1 : [ كَلِّ ؟ (0.5) كَلِّ ؟ ] هَا، دَوْلَة مِنْ الدَّوْل الْعَرَبِ.*

*G1 : دَوْل الْعَرَبِيَّةِ.*

(Petikan 13)

*P1 : [ يُمْكِنُ - يُمْكِنُ أَنْوَاعٍ مِنْ أَسْبَابٍ - مِنْ أَسْبَابٍ (.) حَدَثَتْ هَذِهِ*

*المشكلة في: (0.5) ] فِي دَوْل الْعَرَبِ وَلَكِنْ أَنَا :: =*

*G1 : [ اوك، اوك. ]*

*= هُنَاكَ (.) هُنَاكَ (.) أَسْبَابٍ [ مُخْتَلِفَة.*

*P1 : [ أَسْبَابٍ مُخْتَلِفَة. نَعَمْ: هُنَاكَ أَسْبَابٍ مُخْتَلِفَة. أَوَّلًا، لِأَنَّ*

*الحكومة كانت طاغية.*

## 2. Meminta penjelasan

Seterusnya, petikan di bawah menunjukkan guru menggunakan pendekatan meminta penjelasan apabila guru mendapati terdapat kesalahan pada sebutan para pelajar.

**(Petikan 14)**

P7 : الثورة العربية a: :: (.) هو القمع والإستبداد.

G1 : ال؟

P7 : القمع والإستبداد

G1 : القمع ولا القمع (. القمع؟

P7 : القمع

G1 : ع؟

P7 : ع

G1 : ها. القمع والإستبداد. صحيح؟

## 3. Pengulangan (Intonasi Meningkatkan)

Berdasarkan kepada Lyster dan Ranta (1998), salah satu ekspresi maklum balas pembetulan juga ialah guru mengulangi semula jawapan pelajar yang kurang tepat dengan menggunakan intonasi yang lebih kuat supaya pelajar menyedari kesalahannya.

**(Petikan 15)**

P7 : معظم الدولة العربية تملك سجلا سيئ

G1 : تملك؟

P7 : تملك سجلا-سجلا سيئ

G1 : سجلا سيئ؟

P7 : Haah

P1 : سجلا tu apa ؟

P7 : سجلا.

G1 : ما معنى سجلا؟

P7 : Rekod yang buruk

**G1 : سَيِّئٌ**

**P7 : سَيِّئٌ ::**

Pada petikan di atas, guru meninggikan intonasi suara seperti sebuah pertanyaan pada ayat: “سَجَلًا سَيِّئٌ؟” kerana ingin menyedarkan pelajar bahawa terdapat kesalahan pada sebutan frasa سَيِّئٌ tersebut. Namun, pelajar tidak menyedarinya dan guru memberikan jawapan yang betul kemudiannya.

#### 4. Pencungkilan

Berdasarkan kepada Lyster & Ranta (1997), guru melakukan maklum balas secara pencungkilan apabila guru melakukan salah satu daripada tiga strategi berikut iaitu meminta pelajar mengubahsuai semula jawapan yang diberikan, guru meminta pelajar menyambung ucapan guru, atau guru meminta pelajar memberikan jawapan dalam bahasa sasaran. Setelah meneliti transkripsi kelas, pengkaji mendapati guru cenderung menggunakan strategi

#### (Petikan 16)

**P2 : =أول حدث [ لهذه الثورة**

**G1 : [ لهذه الثورة (.) Ha (.) :: ↑ جميل. هو؟**

**P2 : > هو a ::: القصة للشباب (.) يسمى a :::**

**G1 : بو بو**

**P2 : بو- بو عزيزي**

#### 5. Penjelasan Metalinguistik

Petikan 13 di bawah menunjukkan penjelasan metalinguistik yang digunakan guru bagi membetulkan jawapan pelajar. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Muhammadi (2009), penjelasan metalinguistik merupakan maklum balas dalam bentuk komen, maklumat, atau persoalan yang berkaitan dengan jawapan pelajar tanpa secara jelas menyediakan jawapan yang betul. Pada petikan berikut, guru tidak secara langsung memberikan maksud frasa من جديد kepada pelajar, tetapi memberikan contoh ayat sebagai klu kepada pelajar.

**(Petikan 17)**

**G1** : يريدون الانتخابات الآخر.. حل البرلمان، نختار رؤساء على من جديد.. اوك.

**G1** : من جديد

**PI** : Ia satu pembaharuan

**G1** : لا، من جديد .. البحث عن معناه في الإنترنت .. ، من جديد. يريدون اختيار رؤساء من جديد، من

جديد.

**PI** : Again

**G1** : Again..

ليس ... again... baru من جديد

**Kesimpulan**

Berdasarkan kepada dapatan hasil kajian, dapat disimpulkan bahawa guru menggunakan lapan jenis maklum balas yang berbeza mewakili positif dan negatif bagi menggalakkan lagi interaksi pembelajaran bahasa Arab. Maklum balas bercorak positif yang diamalkan guru dalam pengajaran ialah seperti memberi pujian, pengesahan, dan pengulangan. Manakala, maklum balas yang diaplikasikan oleh guru bagi membetulkan kesalahan pelajar pula termasuk pembedaan secara jelas, pengubahsuaian, meminta penjelasan dan pencungkilan.

Justeru, berdasarkan dapatan kajian ini guru-guru bahasa Arab khususnya dicadangkan agar mengaplikasikan lebih banyak kategori maklum balas dalam pengajaran bahasa Arab. Ini kerana kepelbagaian maklum balas guru bukan sahaja dapat meningkatkan interaksi dalam kalangan guru-pelajar, malah dapat memberi peluang yang lebih besar kepada pelajar untuk memperbaiki dan meningkatkan kemahiran berbahasa mereka.

**Rujukan**

- Abbasi, A., Ghanbari, B., & Zare, M.H. 2015. The effect of teachers' individual verbal feedback and praise on EFL learners' motivation and attitude. *International Journal of Recent Advances in Multidisciplinary Research* 10(2): 0822-0831.
- Chadia, C. 2011. Interaction in Teachers/Learners and Learner/learners' Discourse: The case of Third Year Oral Expression Students/Teachers at Mohamed Saddik BenYahla University-Jijel. Algeria.
- Cullen, R. 1998. Teacher talk and the classroom context. *ELT Journal* 52(3): 179-187.
- Jefferson, G. 2004. A sketch of some orderly aspects of overlap in natural conversation dlm. *Conversation Analysis: Studies from the First Generation*: Philadelphia: John Benjamin: 43-59.
- Jefridin bin Pilus. 2011. Maklum Balas Guru Terhadap Respon Pelajar Semasa Pengajaran Bahasa Arab Tinggi: Satu Kajian Kes. Bangi: Penerbit UKM.

- Lighbown, P.M. & Spada, N. 2006. *How languages are learned*. London: Oxford University Press.
- Lyster, R. & Ranta, L. 1997. Corrective feedback and learner uptake: Negotiation of form in communicative classrooms. *Studies in Second Language Acquisition* 20:37-66.
- Mohammadi, M. 2009. Recast and metalinguistic feedback in teaching and learning L2 writing: a comparative study. *The Journal of Asia TEFL* 6(3): 227-224.
- Ratnah. 2013. Feedback expressions used by an English teacher of tour and travel department. *Indonesian Journal of Applied Linguistics* 3(1): 53-67.
- Reigel, D. 2005. Positif feedback loops in second language learning. Tesis Master: Portland State University.
- Richards, J.C. & Schmidt, R. 2010. *Dictionary of language teaching & applied linguistics*. London: Longman
- Rumfola, L. 2017. Positive Reinforcement Positively Helps Students in The Classroom. Education and Human Development Master's Thesis
- Schegloff, E.A., 2000. Overlapping talk and the organization of turn-taking for conversation. *Language in Society* 29(1): 1-63.

**Rujukan Transkripsi**

<b>PETUNJUK</b>	<b>KETERANGAN</b>
.	(Noktah) intonasi menurun/akhir.
?	(Tanda soal) intonasi meningkat, tidak semestinya pertanyaan.
!	(Tanda seru) nada tegas.
,	(Koma) meneruskan intonasi.
-	(Sempang) terpotong mendadak.
::	(Titik bertindih) memanjangkan bunyi.
<u>perkataan</u>	(Garis bawah) penekanan.
<u>perkataan</u>	Lebih banyak garisan, lebih besar tekanan.
PERKATAAN	(Semua huruf besar) pertuturan kuat berbanding sekeliling.
°perkataan°	(Simbol darjah) pertuturan tenang, rendah berbanding sekeliling.
↑perkataan	(Anak panah ke atas) bunyi/nada menaik.
↓perkataan	(Anak panah ke bawah) bunyi/nada menurun
>perkataan<	(Perkataan di antara kurungan sudut terbalik) ucapan yang cepat
<perkataan>	(Perkataan di antara kurungan sudut) ucapan yang lebih perlahan dan sengaja
<	(Kurang daripada) permulaan secara lompat atau tergesa-gesa
hh	(Beberapa siri h) bernafas/menarik nafas atau ketawa
.hh	(h didahului oleh titik) menghembus nafas
(hh)	(h dalam kurungan) bernafas atau ketawa dalam sempada perkataan
[perkataan]	(Set kurungan berbaris) permulaan dan akhir bagi ucapan serentak atau bertindih
=	(Tanda sama dengan) ucapan yang berterusan tanpa berhenti
(0.4)	(Nombor dalam kurungan) selang antara ucapan (dalam saat)
(.)	(Noktah dalam kurungan) jeda mikro: 0.2 atau kurang
( )	(Kurungan kosong) percakapan yang tdak jelas atau tidak difahami
(perkataan)	(Perkataan atau frasa di dalam kurungan) perkataan yang diragui/diagak oleh pengkaji.
((memandang))	(Kurungan berganda) aktiviti bukan pertuturan atau komen pengkaji ketika melakukan pemerhatian.
\$perkataan\$	(Tanda dolar) suara tersenyum.

Sumber: Wong & Waring (2010).